



JABATAN PEGUAM NEGARA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

**KEPUTUSAN SEMAKAN KEHAKIMAN OLEH MAHKAMAH TINGGI MUAR
TERHADAP KEPUTUSAN MAHKAMAH SESYEN MUAR YANG TELAH
MENJATUHKAN HUKUMAN DENDA TERHADAP SEORANG PESALAH ATAS
KESALAHAN DI BAWAH SEKSYEN 10 AKTA KESALAHAN-KESALAHAN
SEKSUAL TERHADAP KANAK-KANAK 2017**

Jabatan ini merujuk kepada Kenyataan Media Jabatan ini pada 25 Mac 2025 berkenaan keputusan untuk merayu terhadap keputusan Mahkamah Sesyen Muar pada 19 Mac 2025 yang telah menjatuhkan hukuman denda RM6,000 terhadap seorang lelaki yang mengaku salah atas pertuduhan di bawah Seksyen 10 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 [Akta 792] kerana memiliki bahan penganiayaan seksual kanak-kanak iaitu 18 rakaman video bogel dan beberapa keping gambar bogel kanak-kanak perempuan berusia 15 tahun yang merupakan anak tirinya.

Dalam perkembangan terkini, Mahkamah Tinggi Muar pada 27 Mac 2025 telah memutuskan bahawa hukuman denda RM6,000 oleh Hakim Mahkamah Sesyen Muar tersebut diketepikan dan digantikan dengan hukuman penjara 6 bulan, dikira daripada tarikh keputusan semakan kehakiman diberikan.

Jabatan ini sentiasa bertekad untuk menegakkan keadilan selaras dengan prinsip undang-undang.

Jabatan Peguam Negara

28 Mac 2025